



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

SIRI 4

MAUIZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

UNIT PENDIDIKAN DAN BIMBINGAN (UPB)

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	1
PRAKATA PENGARAH	2
PENDAHULUAN	3
SIDANG REDAKSI	4
PEROSAK AKIDAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN	5
SOLAT, DIMANA KITA?	9
MURAJA'AH RAMADHAN	13
IBRAH DARI AL-QURAN	17
MUHASABAH SYAWAL	21
MAQASID SYARIAH DALAM KEHIDUPAN	25
PERJALANAN AGUNG RASULULLAH SAW	29
MEMANFAATKAN 10 ZULHIJJAH	33
MEMAHAMI HIJRAH	37
BEKERJA UNTUK KE SYURGA	41
HAKIKAT BAHAGIA	45
FASABRUN JAMIL	49
KEPIMPINAN 2 UMAR	53
SISI RUMAH TANGGA RASULULLAH SAW	57
GOLONGAN YANG AKAN MUFLIS DI AKHIRAT	61
BIARLAH LIDAH MEMBAWA KITA KE SYURGA	65

PRAKATA PENGARAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya maka kita berjaya menerbitkan e-Book Mau'izah Siri ke-4 pada tahun 2023 sejajar dengan gelombang Perancangan Strategik UiTM 2025 dan Perancangan Strategik BHEI 2022-2025. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua jawatankuasa pengendali Mau'izah bagi tahun 2023 kerana menjayakan program Mau'izah sekaligus menyediakan bahan penyampaian kepada warga universiti.



E-Book Mau'izah ini merupakan terbitan kali ke-4 hasil daripada penganjuran program Mau'izah secara atas talian dan fizikal pada tahun 2023. Program ini melibatkan menyertaan daripada pelbagai Kolej Pengajian, Fakulti, Jabatan, Bahagian dan Unit di UiTM sama ada Kampus Induk Shah Alam mahupun Kampus Cawangan.

Pemilihan tajuk yang diketengahkan kepada warga UiTM melalui program Mau'izah ini dipilih bagi memenuhi hasrat **PELAN STRATEGIK UiTM2025** yang mendokong 6 tunjang utama dan disokong oleh nilai ESI dan IDART.

Topik-topik penting telah diangkat untuk diketengahkan di bawah lapan nilai utama iaitu Kecemerlangan, Sinergi, Integriti, Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab bagi tujuan menjadikan UiTM sebagai sebuah Universiti yang dihormati di peringkat Global dan pada masa yang sama masih mengekalkan peranan asas UiTM dalam Globally Renowned, Locally Rooted pada tahun 2024.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada YBhg. Naib Canselor UiTM yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan atas penghasilan e-Book ini. Juga kepada editor dan penulis terdiri daripada Pentadbir Hal Ehwal Islam yang sentiasa berusaha gigih untuk merealisasikan penerbitan e-Book ini. Semoga hasil usaha ini akan kekal menjadi amal jariah berkekalan di sisi Allah SWT.

Akhir kata, semoga e-Book ini memberi manfaat yang berguna kepada setiap pembaca dan dikurniakan ganjaran kebaikan oleh Allah SWT.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Haji Hanafi Haji Hamdani
Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Islam
UiTM Shah Alam

PENDAHULUAN

Mau'izah merujuk kepada Surah al-Nahl ayat 125 bermaksud nasihat atau peringatan yang baik. Firman Allah SWT:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk". (Surah Al-Nahl: 125)

Mau'izah merupakan salah satu uslub (gaya penyampaian) berdakwah bertujuan untuk mendekatkan bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi dan bukan menakutkan yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik.

Syed Qutb dalam tafsirnya Fi Zilalil Quran menjelaskan Mau'izah ialah cara nasihat atau peringatan yang mampu menusuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus bukan dengan mengherdik, mencela, membuka aib kesalahan orang lain.

Justeru penulisan e-Book Mau'izah ini adalah hasil daripada metode dakwah (nasihat dan peringatan) yang digunakan melalui program kerohanian yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi MARA Shah Alam bermula semenjak 18 September 2020 melibatkan penyertaan warga fakulti dan jabatan di UiTM Shah Alam secara bersiri saban tahun.

Setiap tajuk yang disampaikan sepanjang program Mau'izah ini merupakan himpunan ringkasan tazkirah yang padat, jelas beserta ilustrasi oleh Pentadbir Hal Ehwal Islam untuk dijadikan panduan dan rujukan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Konsep Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti juga turut dijadikan teras utama dalam penulisan buku ini bermula dari penerapan nilai-nilai mahmudah yang dibina dalam diri setiap individu seterusnya penekanan tentang ibadah yang dapat membina hubungan seorang hamba dengan Allah SWT (hablu min Allah) serta hubungan sesama keluarga, masyarakat dan negara (Hablu min al-Nas).

SIDANG REDAKSI

MOHD AZRI ARIPIIN

SHAHRLNIZAM AKHSAN

ABDUL MUTALIB JAMIL

MD IDRIS ABDULLAH

MOHD AFIZ HASAN

MOHD FAIZAN TAJUID

NURUL AFIDAH AWANG

NORFAIZAH YAHYA

MOHAMMAD SHAFFIAIZAD AMAR MOHAMMED SABRI

EDITOR

MOHAMMAD SHAFFIAIZAD AMAR MOHAMMED SABRI

NURUL AFIDAH AWANG

NORFAIZAH YAHYA



PEROSAK AKIDAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُولِهِ ؕ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا
وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ ؕ أُولَٰئِكَ هُمُ
الصّٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya). (Surah Al-Hujurat: 15)

PENGERTIAN AKIDAH

- Kepercayaan atau keimanan kepada nilai-nilai dan hakikat-hakikat mutlak yang pasti dan tetap iaitu beriman kepada Allah, rukun-rukun Iman, rukun-rukun Islam dan perkara-perkara ghaib.
- Akidah juga adalah Tauhid yang membawa maksud mengetahui, berikrar, mengakui dan mempercayai bahawa sesungguhnya sembah yang benar dan berhak disembah hanyalah Allah SWT semata-mata
- Al-Ghazali: Suatu pegangan iaitu membenarkan dalam hati secara yakin dan tanpa sebarang syak dan keraguan.
- Hassan al-Banna: Akidah ialah hal yang berhubung kepercayaan dan keyakinan dalam hati yang akan mendorong hati dan jiwa berasa tenang, tidak bimbang dan ragu, bersih dan murni daripada segala perasaan syak wasangka. Ia dapat melahirkan suatu keyakinan yang kuat dan teguh dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadah kepada Zat Yang Maha Kuasa.

CIRI-CIRI AKIDAH

- Akidah Yang Benar: Kepercayaan dan keyakinan mestilah berada dalam keadaan yang cukup teguh, bahkan ia tidak boleh menerima sebarang bentuk syak dan tidak mungkin digugat oleh sebarang kepercayaan yang lain.
- Akidah Yang Salah: Sesuatu iktikad atau kepercayaan yang bercanggah dengan nas-nas dari Al-Quran dan Sunnah. Akidah yang mengikut hawa nafsu dan akal pemikiran manusia semata-mata.

AKIDAH YANG BENAR		AKIDAH YANG SALAH
Percaya terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah SWT.	KEPERCAYAAN	Menafikan keesaan dan kekuasaan Allah SWT.
Mengamalkan kepercayaan berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.	SUMBER	Mengamalkan kepercayaan bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah.
Mentauhidkan Allah SWT.	BATASAN	Mensyirikkan Allah SWT.
Melakukan amalan, upacara dan adat istiadat yang selari dengan akidah Islam.	AMALAN	Melakukan amalan, upacara dan adat istiadat yang bertentangan dengan akidah Islam.

PERKARA YANG MEMBATALKAN AKIDAH

1

SYIRIK

2

KUFUR

3

RIDDAH

4

KHURAFAT

5

SIHIR

6

MUNAFIK

KEPENTINGAN AKIDAH



- Membentuk jati diri sebagai muslim sejati.
- Menjadi sebab dan tujuan manusia diciptakan.
- Benteng daripada perkara khurafat dan syirik.
- Syarat amalan diterima Allah SWT.
- Tunjang kekuatan umat dan negara-negara Islam.

A photograph of a person in a dark garment kneeling on a red patterned carpet in a mosque. The person is facing away from the camera towards a white wall with a framed picture. To the right is a large arched window with a green metal grille. The ceiling is white with arched structures. The text "SOLAT, DIMANA KITA?" is overlaid in the center.

SOLAT, DIMANA KITA?

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk. (Surah Al-Baqarah: 43)



“

Hukum solat adalah Fardu Ain. Artinya, ia wajib ditunaikan oleh semua orang Islam, yang berakal, baligh, berada dalam keadaan suci (bukan haid).

”

- Solat bermaksud Doa.
- Dari segi syarak, solat bermaksud sejumlah ucapan dan perbuatan yang dimulai dengan Takbiratul Ihram dan diakhiri dengan Salam dengan aturan dan niat tertentu.
- Solat adalah tali hubungan yang kuat antara seorang hamba dan tuhan. Hubungan yang mencerminkan kehinaan hambanya dan kagungan tuhan bersifat secara langsung tanpa sebarang perantara.

5 GOLONGAN MUSLIM YANG SOLAT

MU'AQAB

Golongan yang diazab iaitu yang menunaikan solat, tetapi tidak melaksanakannya dengan sempurna. Kelompok ini banyak mengabaikan perkara berkait aspek syarat sah solat, aspek taharah, wuduk dan penyucian diri tidak dipelihara dengan baik.

MUHASAB

Golongan yang rajin melaksanakan solat, menjaga atau menunaikan solat pada waktunya, menyempurnakan segala syarat, rukun dan aspek zahir solat dengan sempurna.

MUKAFFAR ANHU

Golongan yang diampunkan dosanya. Mereka ini lebih baik kerana sentiasa menjaga segala aspek berkaitan solat. Mereka sentiasa berwaspada menjaga kesempurnaan solat dengan memastikan hati, perasaan dan jiwa khushyuk supaya dapat mengatasi gangguan syaitan.

MUTSAB

Golongan yang diberi pahala kerana menunaikan solat serta diampuni oleh Allah SWT terhadap dosa mereka kerana golongan itu menunaikan solat dengan erti kata yang sebenar-benarnya, bukan sekadar menunaikan solat secara zahir sahaja.

MUQARRIB MIN RABBI

Golongan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Tahap ini adalah tahap paling sempurna dalam menunaikan solat. Mereka pada tahap ini menunaikan solat seolah-olah mereka bertemu atau berhadapan dengan Allah SWT.

PENGERTIAN KHUSYUK



Kata Imam Ibn Qayyim Al-Jauziyyah Rahimahullah: "Khusyuk adalah berdirinya hati di hadapan Tuhan dengan penuh ketundukan dan perasaan hina diri".

CARA KHUSYUK



1

PERSEDIAAN AWAL

2

BERWUDHUK

3

**MEMAKAI PAKAIAN
YANG BERSIH**

4

MENGHADIRKAN HATI

5

**MEMAHAMI DAN
MENGHAYATI BACAAN**

BAHAGIAN KHUSYUK



- KHUSYUK HATI
- KHUSYUK BADAN



MURAJA'AH RAMADHAN

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى
الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. (Surah Al-Baqarah: 183)

DEFINISI

- Puasa ialah menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti makan, minum dan bercakap.
- Menahan diri daripada sebarang perkara yang membatalkannya, bermula dari terbit fajar hingga matahari terbenam dengan niat.

PERSIAPAN RAMADHAN

PERBAIKI NIAT

BERDOA

**MEMPERBANYAKKAN
BACAAN AL-QURAN**

**ULANGKAJI
BERKAITAN PUASA**

**PERBANYAKKAN
AMAL IBADAH**



Bersegera Ketika Berbuka



Meninggalkan Perbuatan Berbekam



Bersahur



Meninggalkan Perbuatan Merasa Makanan Atau Mengunyahnya



Melewatkan Sahur



ADAB BERPUASA



Berdoa Ketika Berbuka



Meninggalkan Kata-Kata Keji Dan Perbuatan Serta Perkataan Yang Mem-berahkan



Memberi Makan Kepada Orang Yang Berbuka Puasa



Mandi Janabah (Mandi Wajib) Sebelum Terbit Fajar



Memperbanyakkan Sedeqah, Membaca Al-Quran, Dan Beri'tikaf Di Masjid

TANDA-TANDA PUASA MENCAPAI KEJAYAAN



Jiwa merasa lebih bersih dan ikhlas.



Nafsu dapat dikawal dan terdidik kearah mencari keredhaan Allah.



Tajamnya perasaan kita terhadap nikmat Allah dan kita menjadi lebih bersyukur.



Merasakan diri lebih bertaqwa berbanding sebelum melaksanakan ibadah puasa.



Terbinanya suatu kejutan dan perubahan kepada rutin dan kebiasaan seseorang daripada yang tidak baik kepada yang baik.



Fizikal anda bertambah sihat dan jiwa anda amat bahagia selepas 30 hari berpuasa.

IBRAH DARI AL-QURAN

وَإِذَا حُيِّنَ بِحَيَّةٍ فَحْيُوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu. (Surah An-Nisa': 86)

“ Kata Imam Ibn Kathir Rahimahullah :
Apabila seorang muslim memberi salam kepada kamu, maka balaslah ucapan salam tersebut dengan jawapan salam yang lebih baik atau atau balaslah ia seumpama dengannya. Jika lebih dari ucapan salam yang diberikan maka akan mendapat pahala sunat tetapi jika seumpamanya maka ia memadai untuk menyempurnaan kefardhuan.

”

HUKUM BERKAITAN SALAM

Hukum memberi salam kepada bukan Islam: “Para ulama’ tidak membenarkan kita untuk memulakan ucapan salam kepada orang yang bukan Islam”.

“Janganlah kalian memulakan ucapan salam kepada orang Yahudi dan juga Nasrani”. (Riwayat al-Tirmizi: 2624)

KELEBIHAN SALAM DAN GALAKAN MENYEBARKANNYA

AMALAN YANG PALING BAIK

"Sesungguhnya seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW, Apakah ciri islam yang baik, sabda Nabi SAW : kamu memberi makan kepada orang lain, memberi salam kepada orang yang engkau kenali mahupun orang yang tidak engkau kenali".

Daripada al-Barra' bin Azib RA berkata: "Rasulullah SAW telah memerintahkan kami dengan tujuh perkara iaitu melawat orang yang sakit, mengiringi jenazah, mendoakan orang yang bersin, menolong orang yang lemah, membantu orang yang dizalimi, menyebarkan salam dan menunaikan sumpah". (Riwayat al-Bukhari: 5766)

HAK SESAMA MUSLIM

CARA MENYUBURKAN KASIH SAYANG

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Mereka tidak akan masuk syurga sehingga mereka beriman dan tidak beriman mereka itu sehingga mereka berkasih sayang. Adakah kalian mahu aku tunjukkan sesuatu yang mana apabila kalian mengerjakannya nescaya kalian akan saling menyayangi sesama kalian? Sebarkanlah salam sesama kalian".

Orang Yang Menaiki Kenderaan Memberi Salam Kepada Orang Yang Berjalan.

Orang Yang Berjalan/Berdiri Memberi Salam Kepada Orang Yang Duduk.

Yang Sedikit Memberi Salam Kepada Orang Yang Ramai.

Sunat Memberi Salam Ketika Hendak Masuk Ke Dalam Rumah Yang Berpenghuni, Kerana Salam Itu Memberi Barakah Seisi Rumah.

Dituntut Bagi Orang Dewasa Memberi Salam Kepada Kanak-Kanak, Sebagai Didikan Dan Galakan.

CARA MEMBERI SALAM DI DALAM ISLAM

MUHASABAH SYAWAL

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
 وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ
 فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ
 أُخَرِ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ
 وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ
 وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur. (Surah Al-Baqarah: 185)

IBADAH

Maka tetaplah kamu pada jalan yang benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu dan (juga) orang yang telah taubat berserta kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. (Surah Hud: 112)

ADAB

"Kaum Mu'minin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya". (Riwayat Tirmizi: 1162)

"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia". (Riwayat Baihaqi)

MUHASABAH KITA?


HATI

"Wahai Dzat yang membolak balikkan hati, teguhkanlah hatiku agar ia berada di atas agamamu. Kemudian aku pun bertanya: Wahai Rasulullah SAW, kami beriman kepadamu dan kepada apa yang kamu telah bawa. Lalu apakah kamu masih bimbang kepada kami? Baginda SAW menjawab: Ya, kerana sesungguhnya hati manusia itu berada di antara dua jari daripada jari-jari Allah SWT yang mana Dia akan membolak-balikkannya mengikut kehendak-Nya". (Riwayat Tirmizi: 2140)



MOMENTUM

Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Surah Al-Ahqaf: 13)





MUHASABAH KITA?

HUBUNGAN SILATURRAHIM

Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu. (Surah An-Nisa': 1)

MAQASID SYARIAH DALAM KEHIDUPAN





Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam. (Surah Al-Anbiya': 107)

"Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu". (Allamah Muhammad Thahir Ibn 'Asyur)

"Tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsiannya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam". (Syeikh 'Allal Al-Fasi)

Tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia disebaliknya dengan tujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.

”

DHARURIYYAH

Sesuatu yang semestinya dipelihara dalam rangka menjaga kemaslahatan agama dan dunia. Apabila hilang kemaslahatan tersebut maka kemaslahatan dunia turut tidak stabil, malah akan mengalami kerosakan, kesulitan dan hilangnya kehidupan, selanjutnya akan hilanglah kenikmatan dan mendapatkan kerugian yang nyata.

HAJIYYAH

Maslahah yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan, dan pada masa yang sama menghindarkan kesusahan serta kesukaran. Ia diperlukan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat. Ketiadaan masalah hajiyyah tidak akan menjejaskan kehidupan tetapi akan menyebabkan sedikit kesulitan.

TAHSINIYYAH

Maslahah yang diperlukan sebagai kesempurnaan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras. Semua itu diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat. Ketiadaannya tidak memberi implikasi besar terhadap kehidupan manusia.

**Tanggungjawab Agama Seperti
Solat Lebih Utama**

**Menjauhi Perkara Yang
Menyalahi Undang-Undang**

**Melaksanakan Apa Yang Ada Di
Dalam Senarai Tugas (Jd)**

DHARURIYYAH DALAM KERJAYA

**Mematuhi Adab Pergaulan
Di Tempat Kerja**

Kepatuhan Pada Masa

**Amanah Dan
Bertanggungjawab**



PERJALANAN AGUNG RASULULLAH SAW

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ، لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى
الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ، لِنُرِيَهُ مِنَّا إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (Surah Al-Isra: 1)

Israk Mikraj: Perjalanan agung Rasulullah SAW menjelang bulan Rejab. Peristiwa ini sering kita perkatakan pada setiap tahun yang merupakan bukti kekuasaan dan kebesaran Allah SWT. Peristiwa ini juga merupakan satu mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW.

Menurut Ibnu Mas'ud RA: "Perjalanan Israk dan Mikraj berlaku pada suatu malam setahun sebelum Baginda berhijrah ke Madinah".

1 UJIAN BESAR KEPADA RASULULLAH SAW

Ujian kepada manusia kepada batang tubuh Rasulullah SAW tentang kebenarannya menyampaikan apa sahaja perintah Allah SWT termasuk perkara yang tidak mungkin dicapai oleh akal fikiran manusia, sama ada yang beriman yang baik, apa lagi mereka yang jahat. Ia menguji manusia seluruhnya sejauh mana mereka percaya kepada kekuasaan Allah SWT dan benarnya Nabi Muhammad SAW.

2 BUKTI KEKUASAAN ALLAH SWT

Allah SWT menunjukkan kebesaran dan kekuasaan-Nya bahawa bumi tempat manusia berpijak dan seluruh makhluk-Nya adalah habuk yang halus di hadapan kekuasaan Allah SWT. Semua kuasa-kuasa besar dunia yang mempunyai bala tentera yang ramai dan kekayaan yang melimpah ruah adalah habuk yang halus di hadapan kekuasaan Allah SWT.



3 PERTEMUAN ALLAH SWT DENGAN RASULULLAH SAW

Dalam perjalanan Israk dan Mikraj, Allah SWT memperlihatkan kepada Rasulullah SAW, berbagai-bagai rahsia alam dunia dan alam akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Najmu ayat 18, "Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar besar tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya". Dalam peristiwa itu, Rasulullah SAW bertemu dengan Allah SWT, lantas menerima perintah kewajipan menunaikan solat.

NIKMAT AGUNG PALING ISTIMEWA

Nikmat yang paling istimewa diterima Rasulullah SAW pada malam yang penuh barakah itu ialah Ibadat solat. Ibadat tersebut dapat menjalin perhubungan erat antara hamba dengan Penciptanya. Solat merupakan detik-detik munajat, dan penumpuan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Pentingnya solat itu hinggakan diangkat sebagai rukun Islam yang kedua, selepas mengucap dua kalimah syahadat. Hadis daripada Umar bin Al-Khatab Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Islam itu engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah, engkau mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan ibadah haji ke Baitullah jika engkau mampu melakukannya". (Riwayat Muslim)



MEMANFAATKAN 10 ZULHIJJAH

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ
 يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ
 الْدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتْلُوا
 الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقْتُلُونَكُمْ كَافَّةً
 وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua
 belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia men-
 ciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati.
 Ketetapan yang demikian itu ialah ugama yang betul lurus, maka jan-
 ganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati
 itu (dengan melanggar laranganNya); dan perangilah kaum kafir musy-
 rik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan
 ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.
 (Surah At-Taubah: 36)

“ 10 hari awal Zulhijjah merupakan al-Ayyam al-Ma’lumat al-
 Mubarakat (hari-hari yang diberkati). Allah SWT mensyari-
 atkan di dalamnya agar diperbanyakkan mengingati-Nya di
 atas rezeki yang dikurniakan dari-Nya.

”

Amalan fardhu pada 10 hari awal Zulhijjah adalah lebih afdhal berbanding amalan fardhu pada waktu lain. Demikian juga amalan sunat yang dilakukan pada 10 hari awal Zulhijjah lebih afdhal berbanding amalan sunat yang dilakukan dalam bulan lain.

Solat yang dilakukan pada 10 awal Zulhijjah adalah afdhal (lebih utama) berbanding solat yang ditunaikan dalam bulan lain. Demikian juga puasa, bacaan al-Quran, berzikir, doa, berbuat baik kepada kedua ibu-bapa, menghubungkan silaturrahim, menunaikan hajat orang yang memerlukan, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah, berbuat baik kepada jiran tetangga, membuat kenduri dan amalan-amalan lain.

10 hari awal Zulhijjah merupakan hari-hari yang lebih utama kerana terdapat di dalamnya hari al-Nahr (hari menyembelih binatang korban), hari Arafah dan hari Tarwiyah.

Terhimpun di dalam 10 hari awal Zulhijjah ini beberapa ibadah agung yang tidak terdapat dalam bulan yang lain iaitulah ibadat haji, menyembelih korban, berpuasa dan bersedekah.

1

Melaksanakan
Ibadah Haji

2

Memperbanyak-
kan Zikir

3

Memperbanyak-
kan Puasa Sunat

AMALAN PADA 10 HARI AWAL BULAN ZULHIJJAH

4

Puasa Khusus
Hari Arafah Pada
9 Zulhijjah

5

Memperbanyak-
kan Bacaan Al-
Quran

6

Memperbanyak-
kan Puasa Sunat

MEMAHAMI HIJRAH

PENGERTIAN HIJRAH

- Hijrah berasal daripada bahasa Arab iaitu perpindahan dan meninggalkan.
- Hijrah adalah perginya Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madi-nah.
- Menurut Al-Qurtubi, hijrah ialah lawan dari al-Washal yang mem-bawa maksud bersambung.
- Hijrah juga membawa maksud pindah dari satu daerah ke daerah yang lain.
- Dalam Islam, hijrah merupakan suatu tindakan penting dalam melakukan suatu perubahan.

الرَّكَتَبُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى
النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾

Alif, Laam, Raa'. Ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.
(Surah Ibrahim: 1)

“

Hijrah melakukan perubahan iaitu perubahan daripada kehidupan yang penuh jahiliah, kekufuran, kezaliman dan sebagainya kepada kehidupan yang penuh keimanan, keadilan dan kesejahteraan sejati.

”

❁ فَأَمَّنَ لَهُ لُوطٌ وَقَالَ إِنِّي مُهَاجِرٌ إِلَىٰ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ ﴿٦٦﴾

Setelah itu Luth beriman kepadanya dan Nabi Ibrahim pun berkata: "Aku hendak berhijrah kepada TuhanKu, sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana". (Surah Al-Ankabut: 26)

❁ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ

جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ

الْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu la menjadikan kamu kuat. Setelah itu la menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. la menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dia lah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa. (Surah Ar-Rum: 54)

“ **Perubahan adalah satu sunnatullah atau peraturan Ilahi yang pasti berlaku di alam semesta ini. Tidak ada sesuatu pun yang wujud di atas muka bumi ini melainkan pasti akan menghadapi perubahan untuk kebaikan sama ada secara fizikal mahupun secara spiritual memerlukan perjuangan yang berterusan daripada diri kita sendiri.** ”

TRANSFORMASI DIRI



Transformasi atau perubahan merupakan satu aturan dalam hidup dan merupakan komponen paling penting apabila kita ingin mencapai sesuatu kemajuan.



Transformasi, penghijrahan, peralihan atau seumpama dengannya, maksud dan signifikasi perkataan itu tetap sama iaitu melakukan perubahan daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik.



Transformasi dan perubahan ada dijelaskan di dalam Al-Quran sepertimana petikan Surah Al- Ra'ad:
"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri".



Untuk menjana transformasi yang hebat, jangan lupa juga untuk berdoa kepada tuhan setelah melaksanakan pelbagai usaha semoga usaha dipermudahkan.

BEKERJA UNTUK KE SYURGA

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ
وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (Surah Al-Jumu'ah: 10)

KERJA ADALAH IBADAH

Bekerja dan mempunyai profesion yang bertujuan untuk mencari nafkah merupakan sebahagian daripada perintah Allah SWT.

Bekerja mencari rezeki dan mencipta kekayaan untuk dinikmati adalah sebahagian daripada usaha memakmurkan alam yang turut diperintahkan oleh Allah SWT.

Konsep ibadah dalam Islam yang meliputi semua aktiviti hidup seharian manusia. Konsep ibadah dan taqwa seperti yang dikehendaki Islam adalah luas meliputi semua bentuk ketaatan dan kepatuhan kepada Allah SWT.

Kerja atau profesion yang dilakukan oleh seseorang individu untuk mencari nafkah diri dan tanggungannya merupakan satu ibadat yang tinggi nilainya di sisi Islam malah dianggap sebagai salah satu bentuk jihad.

SYARAT-SYARAT KERJA MENJADI IBADAH

Kerja atau profesion yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Niat yang betul.

Melakukan sesuatu muamalah atau kerja dengan sempurna

Tidak melalaikan dari kewajiban asasi yang lebih utama.



Kerja yang melibatkan rasuah.



Pemakaian ketika bekerja.



Penindasan orang bawahan.

FAKTOR KERJA TIDAK MENJADI IBADAH



Niat yang salah.



Melalaikan tanggungjawab sebagai seorang Islam.



Pekerja yang tidak beretika.

A photograph of a person kneeling in prayer on a wooden floor in a mosque. The person is in the lower right corner, facing left with hands raised. The room features large windows with intricate stained glass designs in blue, gold, and white. The walls are decorated with geometric patterns. Sunlight streams through the windows, creating a bright, hazy atmosphere.

HAKIKAT BAHAGIA

DEFINISI

- Suasana senang dan aman, aman damai serta gembira.
- Bahagia ialah ketika manusia berada dalam puncak ketaqwaan dan merupakan satu kenikmatan daripada Allah SWT.
- Kebahagiaan yang hakiki akan diperolehi pada hari akhirat kelak.
- Kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu dengan cara menyerahkan diri secara sukarela kepada Islam dengna beriman kepada Allah SWT dan mentaati segala perintah dan larangan-Nya.
- Kebahagiaan itu mempunyai sejumlah kaedah dan pengalaman seseorang.
- Kebahagiaan bukan ditentukan oleh masa dan tempat. Akan tetapi ditentukan oleh iman dan ketaatan kepada Allah SWT.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنَّىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ
حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. (Surah An-Nahl: 97)

KUNCI BAHAGIA

MENGENALI ALLAH SWT

1 "Tiga perkara yang sesiapa memilikinya, maka ia akan merasakan kemanisan iman".

Pertama : Menjadikan Allah dan Rasulnya lebih ia cintai daripada segala perkara.

Kedua : Mencintai seseorang kerana Allah.

Ketiga : Tidak suka kembali kepada kekufuran (maksiat) setelah Allah menyelamatkannya dainya sepertimana ia tidak suka dilemparkan ke dalam api neraka.

REDHA DAN TAWAKAL

2 " Akan merasai kemanisan iman, seseorang yang reda Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai agamanya dan Muhammad sebagai Rasulnya". (Riwayat Muslim)

KELUARGA SOLEH

3 Dan orang-orang yang selalu berkata : Ya Allah, berikanlah kepada kami pasangan dan keturunan yang menjadi penyejuk mata. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertaqwa. (Surah Al-Furqan: 74)

INDEKS KEBAHAGIAN



Bertaubat



Memaafkan



Menjalinkan
Persahabatan



Berzikir



Bersedekah



Tadabbur Al-Quran



Bersyukur



Solat Malam

A photograph of a single, full-canopied tree with autumn-colored leaves standing on a grassy bank. The tree and the bank are perfectly reflected in the still water in the foreground. The sky is a clear, pale blue.

FASABRUN JAMIL

DEFINISI

Bahasa: Menahan, mencegah atau tabah

Istilah: Menahan diri dari sifat kegundahan dan rasa emosi kemudian menahan lisan dari keluh kesah serta menahan anggota tubuh dari perbuatan yang tidak terarah.

Kesimpulan: Menempuh sesuatu yang sukar. Sabar yang terpuji adalah sabar atas mengerjakan taat kepada Allah SWT, menjauhi segala maksiat yang dilarang-Nya dan sabar atas segala takdir-Nya. Tetapi di antara sifat sabar itu, terdapat sifat sabar kerana mengerjakan taat dan meninggalkan maksiat adalah sabar yang lebih utama, lebih utama dari sabar atas segala takdir yang amat susah dan menggelisahkan perasaan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ
الصَّابِرِينَ ١٥٣

Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar. (Surah Al-Baqarah: 153)

SABAR DALAM KETAATAN KEPADA ALLAH SWT

- Sabar sebelum daripada melakukan ketaatan dengan membetulkan niat yang ikhlas kerana Allah dan menjauhi daripada unsur-unsur riyak.
- Sabar selepas daripada beramal: iaitu janganlah melihat diri sendiri dengan pandangan yang ujub (bangga dengan diri sendiri) supaya setiap amalan yang dikerjakan tidak menjadi sia-sia.

SABAR MENINGGALKAN MAKSIAT DAN PERKARA HARAM

- Manusia memerlukan kesabaran dalam menjalani kehidupan yang sementara di dunia dan sabar daripada melayan nafsu yang membinasakan.
- Allah menjelaskan kepada kita bahawa setiap apa yang ada pada orang yang tidak beriman dan melakukan maksiat bukan bererti mereka mendapat nikmat, akan tetapi ia adalah satu bala yang mana ramai manusia tidak mengetahuinya.

SABAR DALAM SESUATU UJIAN DAN KETENTUAN ALLAH SWT

Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah (155): "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar".

Anugerah Allah SWT Yang
Tertinggi

Merupakan Sifat Para Nabi dan
Rasul

Bukti Tanda-tanda Orang Itu
Beriman

HIKMAH SABAR

Salah Satu Jalan Menuju Ke
Syurga Allah SWT

Dapat Menghapuskan Dosa

Cahaya Yang Menyinari
Kegelapan



KEPIMPINAN 2 UMAR

SAYIDINA UMAR AL-KHATTAB

- Nama sebenar : Umar b Al-Khattab b Nufail b Abdul Uzza b Rib-aah
- Nama Ibu : Hantamah bte Hasyim bin Al-Mughirah bin Abdillah bin Umar bin Makhzum
- Gelaran : Al-Faruq
- Keturunan : Arab Quraisy (Kabilah Bani Adi)
- Tarikh lahir : 13 tahun selepas berlakunya peristiwa Abrahah (menurut Imam Nawawi)
- Jawatan : Khalifah Ar-Rasyidin Kedua
- Tarikh Lantikan : 634M
- Tempoh Jawatan : 10 tahun
- Tarikh M/Dunia : 23H @ 644M
- Umur : 63 tahun

SAYIDINA UMAR ABDUL AZIZ

- Nama Sebenar : Abu Jaafar Umar bin Abdul
- Aziz bin Marwan bin Hakam
- Nama Panggilan : Umar bin Abdul Aziz
- Tarih Lahir : Pada tahun 63H (682M)
- Tarikh Meninggal Dunia: Pada 101H (720M)
- Beliau adalah pemimpin @ khalifah kepada Bani Umaiyyah yang ke 6, dan telah memerintah selama 2 tahun 5 bulan.
- Ayahnya adalah Abdul-Aziz bin Marwan, gabenor Mesir dan adik kepada Khalifah Abdul Malik.
- Ibunya adalah Ummu Asim binti Asim.
- Umar adalah cicit kepada Khulafa Ar-Rasyidin kedua Umar bin Khattab.

CIRI-CIRI KEPIMPINAN

- Tegas dalam urusan kewangan Negara.
- Mengutamakan rakyat.
- Menjunjung kebebasan.
- Zuhud.
- Bersedia dikritik dan menerima pandangan.
- Mengatasi masalah rakyat.
- Adil dan saksama.

CIRI-CIRI KEPIMPINAN

- Menegakkan keadilan.
- Memelihara daripada pembohongan.
- Menolak hadiah atau pemberian.
- Melarang pembaziran.
- Mewujudkan hubungan secara terus bersama rakyat.

SUMBANGAN

- Khalifah Umar Al-Khattab memperkenalkan dasar pentadbiran dan perlantikan pegawai.
- Beliau juga menubuhkan Majlis Syura yang dianggotai oleh wakil golongan Muhajirin dan Ansar.
- Dari segi pentadbiran juga, Khalifah Umar melantik wali atau Gabenor untuk mentadbir beberapa wilayah jajahan takluk Islam. Wali berperanan sebagai pentadbir awam atau panglima tentera.
- Bakat kepimpinannya dalam pentadbiran dapat dilihat apabila beliau menubuhkan beberapa jabatan penting seperti Jabatan Polis, Jabatan Percukaian dan Jabatan Perbendaharaan. Katib atau setiausaha dilantik untuk mengetuai setiap jabatan.
- Beliau juga memisahkan Jabatan Kehakiman dengan jabatan lain. Untuk mengelakkan berlakunya salah laku, hakim diberikan gaji yang tinggi (500 dirham).

SUMBANGAN

- Semasa zaman pemerintahan khalifah Umar, beliau sama sekali tidak pernah menerima hadiah dan menolak apa-apa sahaja jenis bentuk hadiah. Ini terbukti ketika beliau berhujah, "Tetapi bagi kami dan orang selepas kami dianggap sebagai rasuah."
- Tambahan pula, perkara ini terjadi apabila beliau membatalkan pemberian hadiah daripada semua pemimpin yang lazimnya dilakukan setiap kali perayaan Nawruz dan Mahrajan.



SISI RUMAH TANGGA RASULULLAH SAW

PENGERTIAN RUMAH TANGGA

- Rumah tangga ialah satu kumpulan yang terdiri daripada pasangan suami isteri, anak-anak, mertua dan sebagainya.
- Rumah tangga boleh diertikan sebagai hal-hal berkenaan dengan urusan kehidupan di dalam rumah atau berkenaan dengan keluarga.
- Menurut Islam: Rumah tangga adalah ikatan pernikahan yang sah dan dilandasi oleh nilai-nilai dan syariat agama Islam.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Surah Ar-Rum: 21)

KEPENTINGAN RUMAH TANGGA BAHAGIA

1

Mengelakkan Berlakunya
Konflik Dalam
Keluarga

2

Melahirkan Anak Yang
Berjaya Di Dalam
Kehidupan

3

Mengelakkan Berlakunya
Masalah Sosial Di Dalam
Keluarga

4

Mengurangkan Masalah
Jenayah

5

Menjamin Masa Depan
Negara Yang Lebih Baik

“ *Daripada Aisyah RA dia berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku, apabila sahabat kalian meninggal dunia maka biarkanlah dia (tinggalkanlah dia jangan membicarakan keburukankeburukannya)". (HR Tirmidzi No: 3830) Status: Hadis Sahih*

”

1

Memberi
Layanan Yang
Baik

2

Bertanggung-
jawab

3

Penyayang: Se-
tiap kali baginda
melihat anaknya
Fatimah datang,
baginda akan
mengucapkan
salam dan me-
layannya dengan
baik.

CIRI-CIRI RUMAH TANGGA RASULULLAH SAW

4

Tegas: Baginda
pernah bersabda
seandainya
anaknya Fatimah
melakukan
kesalahan, dia
tetap dihukum.

5

Sabar: Baginda
pernah meman-
jangkan tempoh
sujud ketika solat
se mata - mata
kerana cucunya
Hasan dan Husin
memanjat be-
lakang Baginda.

6

Berlemah
Lembut Terha-
dap Isteri

GOLONGAN YANG AKAN MUFLIS DI AKHIRAT



Investment

339 970	373 967	424 963
56 969	804 029	446 211
817	1 296 731	468 522
58	1 859 317	491 948
6	2 499 808	516 545
3	3 227 076	542 372
1 ACT	4 050 935	569 491
=	R 28 331	

Start at monthly

Can we do the

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَتَدْرُونَ مَنْ الْمُفْلِسُ قَالُوا الْمُفْلِسُ فِينَا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ لَا لَهُ
دِرْهَمٌ وَلَا دِينَارٌ وَلَا مَتَاعٌ قَالَ الْمُفْلِسُ مَنْ أَمَّتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ يَأْتِي بِصَلَاةٍ وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ عِرْضَ هَذَا
وَقَذَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيَنْتَقِصُ هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ
قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أَخَذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bertanya: "Tahukah kamu siapakah orang yang muflis itu?" Para sahabat menjawab: "Orang yang muflis di kalangan kami adalah orang yang sudah tidak lagi memiliki dirham dan harta benda." Baginda bersabda: "Orang yang muflis adalah orang yang datang pada hari Kiamat dengan membawa amalan solat, zakat dan puasa, Namun dia datang dalam keadaan dahulu pernah mencaci maki si fulan, menuduh dan memfitnah fulan, memakan harta si fulan, menumpahkan darah si fulan dan memukul si fulan. Amal-amal kebbaikannya dibahagi-bahagikan kepada orang-orang tersebut. Jika hak yang pernah dia langgar belum dapat dipenuhi semuanya, sedangkan amal-amal kebbaikannya sudah habis, maka kesalahan-kesalahan mereka diambil lalu dipikulkan ke belakangnya. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka". (Riwayat Muslim: 2581, Ahmad: 8829)

KETERANGAN HADITH

MUFLIS

- Dalam tasawwur Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu muflis harta di dunia dan muflis pahala di Akhirat atau dengan kata lain, muflis di dunia dan muflis di Akhirat.
- Kefahaman tentang keseimbangan di antara dunia dan Akhirat perlu diperkemarkan; jika muflis membawa erti kerugian harta benda di dunia, maka di Akhirat juga tidak seharusnya berlaku muflis yang membawa erti kerugian pada pahala bagi amal kebajikan.

SIAPA YANG MUFLIS?

- Mereka ialah segolongan manusia yang tidak berakhlak terhadap orang lain, lebih suka menjaga tepi kain orang seperti mengumpat, mengeji, memfitnah dan memburuk-burukan orang lain. Mereka menunaikan solat, puasa dan menunaikan ibadat haji secara konsisten, mungkin juga antara mereka adalah ahli agama yang dihormati masyarakat, tetapi memiliki sikap yang tidak jelas atau masih kabur.

SEBAB MUFLIS

- Nabi SAW mengkategorikan orang ini sebagai muflis Akhirat atau muflis amal kebajikan kerana amal kebajikannya ternyata sia-sia dan tidak mendatangkan apa-apa faedah yang boleh dinikmatinya. Rasulullah SAW menyatakan, orang ini akan datang pada hari Kiamat membawa amal-amal kebajikan tetapi ditolak oleh Allah SWT disebabkan terpaksa membayar ganti rugi terhadap mangsa-mangsa kezalimannya semasa di dunia dahulu.

KETERANGAN HADITH

BAGAIMANA BOLEH MUFLIS?

- Setiap orang dikehendaki menyelesaikan terlebih dahulu hak-hak kemanusiaan atau dosa-dosa yang berkaitan hak-hak manusia seperti hutang yang belum dibayar, mengumpat, mengeji, memfitnah dan menzalimi manusia dan belum mendapat kemaafan dari pihak yang dizalimi. Kesalahan-kesalahan ini akan dituntut dengan membayar ganti rugi kepada pihak yang dizalimi sebelum kedua-dua pihak bergerak merentasi sirat (titian) yang sangat mencabar.

GANTI RUGI?

- Bagaimana ganti rugi dibayar dengan amalan khusus? sebagai contoh: Pahalanya diperolehi hasil daripada ibadat yang berganda-ganda pahalanya, sedangkan bayaran ganti rugi hanya secukup kerugian yang ditanggung pihak yang terlibat dalam kerugian.
- Sebenarnya, bayaran ganti rugi hanya setakat kerugian yang ditanggung sahaja, manakala selebihnya kekal dalam akaun asal pemilik amal kebajikan itu. Itu pun jika pahala dari amal kebajikan masih berbaki selepas dibayar ganti rugi kepada pihak-pihak yang membuat tuntutan.

The background of the page is a soft-focus photograph of a sunset or sunrise. The sky is a warm, hazy orange. In the distance, the silhouette of a mosque with two tall, pointed minarets is visible. Several birds are scattered across the sky, appearing as small dark shapes. In the foreground, the dark silhouettes of two people are visible; one stands on the left, looking out over the water, and another stands further back on the right. The water's surface is shimmering with golden light from the low sun.

BIARLAH LIDAH MEMBAWA KITA KE SYURGA

❦ لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ

سَمِيعًا عَلِيمًا ١٤٨

Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (Surah An-Nisa': 148)

KITAB IHYA ULUMUDDIN: IMAM AL-GHAZALI

- Perkataan yang tidak bermanfaat yang boleh membuat hati jadi kasar.
- Mereka yang banyak bercakap, maka ia banyak bohong.
- Bercakap kosong tidak seperti ciri-ciri orang beriman adalah mereka yang sentiasa menghindarkan diri daripada perkataan dan perbuatan yang tidak bermanfaat.
- Menyebabkan pertengkaran dan dendam kesumat.
- Banyak bicara akan menimbulkan permusuhan antara kelompok dan golongan.
- Mereka yang berbohong dengan mengaku sebagai pakar dalam suatu bidang.
- Ucapan yang mengandungi hujahan dan cacian.
- Ucapan yang mengutuk seseorang atau satu golongan.
- Ungkapan syair atau nyanyian porno yang membangkitkan nafsu kebinatangan seseorang.

PUNCA BANYAK MANUSIA KE NERAKA



Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Ya Rasulullah, terangkan kepadaku tentang amal yang mewajibkanku masuk syurga dan menjauhkanku dari api neraka?" Lalu Baginda bersabda: "Pangkal segala perkara adalah mendirikan solat lima waktu dan puncak kepada segala kebaikan adalah jihad." Kemudian Rasulullah SAW bertanya kepada Muadz: "Tahukah kamu apa kunci yang membuka semuanya?" Dan Baginda bersabda, "Jagalah ini (lidah dan mulut)." Muadz bertanya lagi: "Ya Rasul, adakah tuntutan kepada semua perkataanku?" Rasulullah bersabda, "Celakalah kau, ketahuilah kebanyakan manusia terjerumus ke dalam neraka akibat perkataan yang keluar dari lidahnya". (Riwayat Ahmad)

ORANG YANG DIZALIMI



- Bagi mereka yang dizalimi pula berhak menyatakan perasaan secara terus terang kepada hakim atau orang lain dirasakan dapat membantu mereka daripada kezaliman itu, orang seperti ini tidak dikategorikan sebagai orang yang berdosa.
- Kezaliman adalah sesuatu yang harus ditentang dan tidak dibiarkan begitu saja kerana ia akan mengakibatkan kerosakan kepada anggota masyarakat dan membinasakan kehidupan yang harmoni.

CARA MEMBAWA LIDAH KE SYURGA



Tidak Lupa
Menyebut Insya-
Allah Dalam Setiap
Perancangan



Berdoa Kepada
Allah SWT Dalam
Setiap Keadaan



Rutinkan Lidah
Dengan Berzikir



Mengucapkan Salam



Membaca Al-Quran



Mendoakan Kebai-
kan Kepada Orang
Lain



Menegur
Kemungkaran



Berlemah Lembut
Ketika Bercakap Ke-
pada Ibu Bapa, Isteri
dan Anak



اَوَّلُ سَبِيلٍ تَتَكُونُ لَكُمْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350

Faks: +603-55435635